

# METOD DA'WAH WALI SONGO

Prof. Madya Dr. Ab. Aziz Mohd. Zin\*

## Abstract

*Wali Songo had used the very interesting method in their da'wah, which attracted the people of Java to Islam. However, this method had its own weaknesses because it produced the syncretic Moslems in religious practice. The paper discusses the method of da'wah of Wali Songo, why it attracted the people of Java and how far it could be applied to the contemporary approach of da'wah in Malaysia?*

## PENDAHULUAN

Metod da'wah Wali Songo ada pro-kontranya. Bagi sesetengah orang metod ini sangat berjaya, kerana ia merupakan usaha permulaan yang dapat menarik penduduk Tanah Jawa kepada Islam. Golongan yang kontra pula berpendapat metod ini terkeluar dari sempadan yang dibolehkan dalam da'wah, di samping ia tidak berjaya membawa sasaran kepada Islam yang murni. Kajian ini akan membongkar tentang metod yang digunakan oleh Wali Songo dalam da'wah yang menimbulkan pro-kontra itu.

## SIAPA WALI SONGO

Songo bererti sembilan (mengikut hitungan Jawa) atau mulia (berasal dari bahasa Arab tsana') atau tempat/daerah (dari perkataan sana).<sup>1</sup>

Setakat ini tiada bukti yang cukup untuk menentukan Songo itu dengan erti yang satu sahaja.<sup>2</sup> Walaupun ramai orang setuju Songo itu bererti sembilan,

\*Pensyarah di Jabatan Dakwah & Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

<sup>1</sup>Widji Saksono, (1995), *Mengislamkan Tanah Jawa*, Bandung, hal. 18.

<sup>2</sup>*Ibid.* hal. 22.

tetapi ada yang menolaknya dengan alasan kalaulah dihitung Wali yang termasuk ke dalam Wali Songo boleh dilebihkan daripada sembilan atau boleh dikurangkan jumlahnya.<sup>3</sup>

Orang yang berpendapat Wali Songo itu Wali Sembilan menghitung sebagaimana berikut:

1. Maulana Malik Ibrahim (m.1419). Beliau menetap di Gresik, Jawa Timur.
2. Raden Rahmat (1401 - 1478). Beliau terkenal dengan gelaran Sunan Ampel dan menetap di kawasan Surabaya.
3. Makdum Ibrahim (1465 - 1525), terkenal dengan gelaran Sunan Bonang dan menetap di Tuban, Jawa Timur.
4. Syarifuddin (akhir abad ke-15) dan terkenal dengan gelaran Sunan Drajat. Beliau menetap di Jawa Timur.
5. Raden Paku (akhir abad ke -15), terkenal dengan gelaran Sunan Giri dan menetap di Giri, Jawa Timur.
6. Syarif Hidayatullah (m. 1570), terkenal dengan gelaran Sunan Gunung Jati dan menetap di Gunung Jati.
7. Jaafar Shadiq (m. 1628), terkenal dengan gelaran Sunan Kudus dan menetap di Kudus, Jawa Tengah.
8. Raden Umar Said (akhir abad ke-15), terkenal dengan gelaran Sunan Muria dan menetap di Gunung Muria, Jawa Tengah.
9. Raden Mas Syahid (akhir abad ke-15), terkenal dengan gelaran Sunan Kalijaga.

Kenyataan-kenyataan di atas menunjukkan bahawa kebanyakan Wali Songo adalah semasa, iaitu berada pada abad ke-15 dan tempat operasi mereka di Jawa.

## **METOD DA'WAH**

Sebelum dibincangkan mengenai pendekatan da'wah Wali Songo eloklah dilihat secara ringkas keadaan masyarakat di Jawa sebelum kedatangan Islam.

---

<sup>3</sup>*Ibid.* hal. 18.

Islam berkembang di Indonesia dengan baik pada abad ke 13. Namun perkembangannya di Pulau Jawa bermula kira-kira pengakhiran abad ke 14 atau awal abad ke-15<sup>4</sup>

Masyarakat Jawa sebelum Islam adalah sebuah masyarakat yang beragama Hindu-Buddha. Pengaruh Hindu-Buddha sangat kuat di kalangan masyarakat Jawa. Pengaruh tersebut telah bersebiti di kalangan orang Jawa sejak berabad-abad sebelum kedatangan Islam.<sup>5</sup>

Sebelum kedatangan Hindu-Buddha ke Nusantara Indonesia dikuasai oleh kepercayaan animisma, iaitu kepercayaan roh-roh orang yang meninggal itu mempunyai kekuatan ghaib dan kepercayaan dinamisma, iaitu kepercayaan yang sesetengah benda itu ada kekuatan ghaib. Maka, pemujaan, upacara dan penyembahan menjadi ciri penting kepada kepercayaan ini. Dengan kedatangan Hindu-Buddha ke Nusantara di sekitar abad ke-4, upacara tersebut bertambah subur, kerana dalam Hindu-Buddha juga ada unsur-unsur pemujaan terhadap roh dan dewa.<sup>6</sup>

Dengan sebab akar umbi yang kuat ini, maka kepercayaan tradisional orang Jawa tidak dapat dikikis melalui agama Islam sehingga sampai sekarang.<sup>7</sup> Bentuk-bentuk mistik yang dijiwai oleh agama Hindu dan Buddha masih mempengaruhi kehidupan keagamaan orang Jawa. Orang Jawa masih berada ditahap *syncretic* dalam kehidupan agama mereka walaupun setelah menganut Islam.<sup>8</sup>

Di samping itu, sebelum kedatangan Islam orang Jawa sangat mengemari seni. Seni-seni yang menjiwai mereka ialah seperti seni pertunjukkan wayang kulit, seni suara dan seni ukir.<sup>9</sup> Wayang kulit merupakan kebudayaan masyarakat Jawa hasil dari pengaruh Hindu-Buddha.<sup>10</sup>

---

<sup>4</sup>Nur Amin Fattah (1994), *Metod Da'wah Wali Songo*, hal. 29.

<sup>5</sup>W. Saksono, *op. cit.* hal. 228 dan 230.

<sup>6</sup>Fattah, *op.cit.* hal. 80.

<sup>7</sup>Pak Husein Omar, Setiausaha Agung, Dewan Da'wah Indonesia, interview di pejabatnya, pada 13 Mei 1996.

<sup>8</sup>A. Jainuri, (1990) Muhammadiyah. bi, hal. 4-5.

<sup>9</sup>Fattah, *op.cit.* hal. 52 dan 64.

<sup>10</sup>Drs. Bambang Sugito TH. (t.t.), *Dakwah Islam Melalui Media Wayang Kulit*, ANEKA., hal. 39.

Berdasarkan keadaan sasaran, yaitu masyarakat Jawa seperti yang telah dijelaskan, maka apakah pendekatan da'wah yang paling sesuai untuk mempengaruhi supaya mereka tertarik dan menerima Islam.

Dalam suasana seperti ini, pada dasarnya ada dua pendekatan yang boleh diambil. Pertama, meroboh dan membina, iaitu meroboh yang bercanggah dengan Islam yang terdapat pada sasaran untuk dibuat pembinaan baru Islam yang murni. Kedua, menyelinap secara halus dan tidak disedari untuk menukar sasaran kepada Islam, tetapi dibahagian-bahagian tertentu sahaja dengan tidak meroboh keseluruhannya.

Cara pertama menghadapi risiko yang besar dan konfrantasi yang kuat dari masyarakat, apa lagi dari masyarakat yang bersehati dengan sesuatu cara hidup. Tetapi, Islam yang dibina selepas itu adalah murni dan sejati.

Cara kedua tidak menghadapi risiko dan konfrantasi yang banyak, namun Islam yang dibawa masih belum murni dan perlu diperbaiki selepasnya. Pada dasarnya, Wali Songo mengambil cara kedua, walaupun pada peringkat permulaan ada dikalangan mereka yang tidak bersetuju dengan cara tersebut. Contohnya Sunan Ampel dan Sunan Giri memilih cara pertama, sedangkan Sunan Kalijaga memilih yang kedua.<sup>11</sup>

Pendekatan da'wah Wali Songo, secara kasarnya adalah sebagaimana berikut:

### **1. Mengadakan pusat gerakan, iaitu masjid.**

Wali Songo memulakan tugas da'wah mereka dengan mendirikan masjid. Masjid dijadikan pusat kepada gerakan mereka. Dengan adanya pusat seperti ini, undangan dan pengumpulan terhadap sasaran dapat diadakan. Masjid yang mula-mula yang didirikan oleh Wali Songo yang pertama, Malik Ibrahim ialah Masjid Leran dekat Gersik.<sup>12</sup>

Masjid-masjid lain ialah masjid Sunan Ampel di Ampel, masjid Sunan Bonang di Tuban, masjid Sunan Giri di Gersik, masjid Sunan Kalijaga di Kadilangu Demak, masjid Sunan Gunung Jati di Cirebon, masjid Sunan Muria di Gunung Muria, Kudus, masjid Sunan Kudus di Kudus dan masjid Agong Demak yang didirikan oleh para Wali Songo.<sup>13</sup>

---

<sup>11</sup>A. Jainuri, *op. cit.* hal. 8.

<sup>12</sup>Fattah, *op. cit.* hal. 44.

<sup>13</sup>*Ibid.* hal. 50.

## 2. Melalui kesenian.

Wali Songo menjadikan kebudayaan dan kesenian yang disukai oleh masyarakat saluran dalam da'wah mereka. Mereka meng-eksploitasikan kesenian untuk kepentingan da'wah.

Ada tiga Sunan yang terkenal dengan penggunaan seni untuk da'wah, yaitu Sunan Giri yang mencipta nyanyian dan lagu.<sup>14</sup> Sunan Kalijaga<sup>15</sup> dan Sunan Muria.<sup>16</sup> Namun antara ketiga-tiga Sunan tersebut, Sunan Kalijaga dan Sunan Muria lebih jelas menggunakan kesenian nyanyian dan lagu untuk tujuan berda'wah.<sup>17</sup>

Antara kesenian yang digunakan oleh Wali Songo tersebut ialah seni:

*i. Wayang Kulit.* Seni wayang kulit digunakan khusus oleh Sunan Kalijaga dan Sunan Muria.<sup>18</sup>

Namun, sebelum diambil keputusan untuk diadakan wayang kulit sebagai saluran da'wah sesetengah Sunan tidak bersetuju berbuat demikian dengan alasan permainan tersebut ditegah oleh syarak, kerana wayang kulit adalah gambar yang serupa gambar manusia. Sedangkan gambar manusia hukumnya ditegah. Setelah berbincang banyak, maka keputusan gambar tersebut hendaklah diubah supaya tidak sama dengan gambar manusia. Dengan itu diubah bahagian-bahagian seperti dipanjangkan tangan, dipanjangkan hidung, kepalanya diubah menjadi kepala binatang dan sebagainya. Setelah bersetuju atas cadangan tersebut, maka dimulakan permainan wayang kulit dengan janaan ceritanya diubah kepada cerita-cerita yang berunsur Islam.<sup>19</sup>

---

<sup>14</sup>Nasution, *op. cit.* hal. 262.

<sup>15</sup>*Ibid.* hal. 519.

<sup>16</sup>*Ibid.* hal 694.

<sup>17</sup>*Ibid.* hal. 519 dan 694.

<sup>18</sup>*Ibid.*

<sup>19</sup>Fattah, *op. cit.* hal. 52 - 53 dan Sugito TH, *op. cit.* hal. 39.

Dalam hal ini, timbullah beberapa istilah seperti: Seminar, daripada Bahasa Arab (BA) *Simaar* (paku), Petruk daripada BA *Fatrak* (tinggalkan), Gareng, daripada BA *Qorin* (kawan), Bagong, daripada BA *Bagha* (berontak), Dalang, daripada BA *Dallah* (petunjuk), Dewi Suci, iaitu Nabi Khaidir dan Kalimosodo (Kalimah Syahadat).<sup>20</sup>

Dengan itu, Wayang kulit telah mengalami perubahan dari pengaruh Hindu-Buddha kepada pengaruh Islam.<sup>21</sup>

Antara cerita-cerita wayang kulit da'wah ialah:<sup>22</sup>

- i. Cerita Mustaka Alam (masuk Islam ke Jawa).
- ii. Cerita Syeikh Siti Jahar (usaha penyelewengan Islam yang berakhir dengan kematian).
- iii. Jimat Kalimasada (tentang tauhid).

Kesenian wayang kulit yang mula-mula dimainkan ialah di serambi masjid Agung Demak untuk memperingati maulud. Mula-mula gong dipalu untuk menarik perhatian orang ramai. Setiap yang masuk ke dalam kawasan permainan hendaklah membayar tiket. Tiketnya ialah membaca Syahadat. Selepas itu disuruh mencuci kaki terlebih dahulu dan cara diajar, iaitu seperti mengambil wudu'. Lepas itu dipersilakan ke serambi masjid untuk menonton wayang kulit. Selepas masuk waktu sembahyang mereka diarah supaya berdoa agar Dewa tidak murka, iaitu dengan cara sembahyang. Cara tersebut telah membawa sasaran kepada Islam.<sup>23</sup>

*ii. Seni Suara.* Selain daripada wayang kulit, masyarakat Jawa juga menggemari seni suara. Wali Songo telah menggunakan saluran ini dalam da'wah mereka. Terdapat lagu-lagu yang

---

<sup>20</sup>Fattah, *op. cit.* hal. 53-54.

<sup>21</sup>Sugito TH. *op. cit.* hal. 41.

<sup>22</sup>*Ibid.* hal. 53-54.

<sup>23</sup>Fattah, *op.cit.* hal. 55-56.

dicipta oleh Kalijaga, Giri, Bunang, Kudus, Muria dan Drajat.<sup>24</sup>

Melalui seni suara yang diucapkan, secara halus mengajak orang Hindu-Buddha kepada Islam. Orang Jawa mempunyai perasaan yang halus, maka ia sesuai dengan ajakan seperti itu.<sup>25</sup>

**iii. Seni Ukir.** Seni ukir yang disukai oleh masyarakat Jawa semasa itu ialah ukiran manusia dan binatang. Wali Songo menggunakan kesenian ini dengan mengukir benda-benda selain daripada manusia dan binatang.<sup>26</sup>

Dengan menggunakan pendekatan tersebut da'wah Wali Songo tidak cuma menghapuskan kesukaan rakyat, sebaliknya menggunakan kesukaan ini untuk kepentingan da'wah dengan sedikit pengubahsuaian.

### 3. Melatih kader

Da'wah bukan semasa dan bukan pula hak perseorangan. Ia mesti diusahakan sepanjang masa dan oleh setiap orang. Da'wah yang baik ialah da'wah yang cuba menyediakan angkatan pelapis yang baik.

Perkembangan cepat da'wah Wali Songo, kerana susunan perkaderan berjalan dengan baik. Perkaderan ini diusahakan supaya da'wah terus berkembang dari masa ke semasa dan dari tempat ke tempat lain.<sup>27</sup>

Contohnya, seperti Malik Ibrahim yang menjadi perintis membawa Islam ke daerah Ampel yang selepas itu disambung oleh Sunan Ampel.

Sunan Ampel menyiapkan kadernya yang melahirkan Sunan Giri dan anaknya sendiri Sunan Bonang. Dari Sunan Bonang lahirlah muridnya Sunan Kalijaga.<sup>28</sup> Dengan itu, kelahiran Wali Songo tidak sunyi dengan kelahiran

---

<sup>24</sup>*Ibid.* hal. 57.

<sup>25</sup>*Ibid.* hal. 63.

<sup>26</sup>*Ibid.* hal. 64.

<sup>27</sup>Fattah, *op. cit.* hal. 65 dan 66

<sup>28</sup>Nasution, *op. cit.* hal. 117.

tempat pendidikan dan pesantren, sebagai pusat perkaderan.<sup>29</sup>

#### **4. Da'wah kepada raja dan pemimpin.**

Islam tidak membezakan antara seorang dengan yang lain, walau apa keadaan sekalipun. Semua orang berhak mendapat penerangan mengenai Islam. Namun, untuk lebih mempercepatkan penyebaran da'wah, maka golongan yang berpotensi lebih diutamakan.

Wali Songo memahami dasar tersebut. Maka sebahagian mereka memulakan da'wahnya kepada raja-raja dan pembesar-pembesar serta keluarga mereka.<sup>30</sup>

Contohnya, ialah Sunan Ampel dan kawan-kawannya berda'wah kepada Adipati Aria Damar dari Palembang. Beliau dan isterinya memeluk Islam, yang kemudian diikuti oleh pembesar segenap anak negerinya.<sup>31</sup>

#### **5. Tidak mengubah, tetapi disesuaikan.**

Telah disebutkan sebelum ini bahawa tidak semua Wali Songo bersetuju bahawa Islam itu perlu disesuaikan dengan keadaan setempat tanpa dihapuskan kepercayaan dan ikutan lama secara tuntas. Namun, itulah usaha yang dilakukan oleh sesetengah Wali Songo, terutamanya Sunan Kalijaga.<sup>32</sup>

Dengan itu, upacara persembahan dan pemujaan yang diwarisi daripada fahaman Animisma dan Hindu-Buddha tidak terus dihapus, tetapi diubahsuai. Maka adat-adat persembahan dan jamuan kepada roh-roh diubah kepada khanduri tahlil yang dimakan bersama. Adat membakar kemian dan bacaan mentera kepada roh-roh selepas mati diubah kepada upacara tahlil dan doa, dengan nada yang panjang dan sedih.<sup>33</sup>

---

<sup>29</sup>Fattah, *op. cit.* hal. 65.

<sup>30</sup>Fattah, *op. cit.* hal. 72.

<sup>31</sup>W. Saksono, *op.cit.* hal. 88.

<sup>32</sup>Nasution, *op. cit.* hal. 519.

<sup>33</sup>Fattah, *op. cit.* hal. 81-82.



## **6. Khidmat masyarakat.**

Wali Songo bukan sahaja menguasai ilmu agama, tetapi juga ilmu-ilmu lain yang berguna kepada masyarakat. Dengan itu Wali Songo bukan sahaja berda'wah melalui penyebaran ilmu Islam, tetapi melalui khidmat masyarakat dan memberi pertolongan kepada yang memerlukan.<sup>34</sup>

Wali Songo memberi perhatian dan menguasai masalah kehidupan kemasyarakatan, seperti hal-hal yang berhubung kait dengan kejasmanian, kesihatan, kekeluargaan, rumah-tangga, perekonomian, politik, kebudayaan, kesenian dan lain-lain.<sup>35</sup>

Sebagai contoh, Sunan Drajat tidak segan-segan memberi pertolongan kepada golongan yang menderita, orang-orang yang memerlukan pembelaan, orang-orang sakit, orang-orang miskin dan sebagainya.<sup>36</sup>

## **7. Membawa Islam secara tidak disedari sasaran.**

Telah dijelaskan sebelum ini bahawa antara pendekatan da'wah yang digunakan oleh Wali Songo ialah da'wah melalui kesenian wayang kulit. Bayaran tiket masuk ialah mengucapkan Syahadah, sebelum menuntun wayang disuruh terlebih dahulu membasuh kaki dengan cara tertentu dan setelah masuk waktu sembahyang diajak berdoa agar Sang Dewa tidak murka, iaitu dengan cara tertentu. Dengan cara tidak disedari, Wali Songo dapat mengajar tiga perkara, iaitu mengucapkan Syahadah, mengambil air sembahyang dan sembahyang.<sup>37</sup>

Ada yang menyebut bahawa semasa berda'wah, sesetengah Wali Songo menggunakan kraf tangan yang berbentuk kipas yang dijualkan kepada sarannya dengan bayaran mengucapkan Syahadah sebagai ganti wang.<sup>38</sup>

## **8. Menarik perhatian sasaran.**

Selain daripada da'wah melalui kesenian dan sebagainya, ada Wali Songo

---

<sup>34</sup>W. Saksono, *op. cit.* hal. 111.

<sup>35</sup>*Ibid.*

<sup>36</sup>Nasution, *op. cit.* hal. 225.

<sup>37</sup>Fattah, *op. cit.* hal 55-56.

<sup>38</sup>*Ibid.* hal. 73.

yang cuba menarik perhatian sasaran dalam da'wahnya.

Contohnya ialah Sunan Kudus yang satu ketika mengikat seekor lembu di halaman masjid. Diperlakukan kepada lembu itu dengan cara yang baik sehingga orang-orang Hindu datang beramai-ramai untuk melihat binatang yang mereka muliakan itu dilayan dengan sebegitu rupa. Kedatangan orang-orang Hindu ke kawasan masjid diambil peluang oleh Sunan Kudus berda'wah kepada mereka. Kerana tertarik kepada perilaku Sunan Kudus terhadap lembu, ramai orang yang datang berminat dan masuk Islam.<sup>39</sup>

### **9. Ikatan persatuan dan hubungan yang kuat.**

Wali Songo merupakan satu kesatuan. Ikatan mereka kuat. Mereka sering mengadakan perundingan. Contoh kerjasama yang dapat dilihat ialah semua pembinaan masjid Agung Demak. Setiap Wali Songo yang ada diberikan tugas dan bertanggungjawab kepada sesuatu urusan dalam pembinaan itu, sehingga semua urusan berjalan dengan baik.<sup>40</sup>

Dengan ikatan ini dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi, di samping menampakkan suatu kekuatan dan teladan.

### **10. Dengan kedudukan ekonomi dan kepimpinan.**

Kedudukan yang baik memainkan peranan yang penting untuk memberi pengaruh kepada orang. Dalam hal ini Wali Songo memiliki peluang yang baik, samada mempunyai harta yang banyak atau peluang untuk mendapat harta ada tetapi tidak diambilnya atau kedudukan pangkat yang dihormati. Selain itu, Wali Songo juga memiliki kedudukan sosial yang baik dan tinggi di kalangan masyarakat.<sup>41</sup>

Wali Songo adalah jolokan bagi Wali-Wali yang berkuasa pada sesuatu daerah. Mereka mempunyai kekuasaan politik untuk memerintah. Beberapa Wali Songo memang membuktikan bahawa mereka adalah kepala daerah di daerah, seperti Sunan Giri, Sunan Gunung Jati dan Sunan Kudus.<sup>42</sup>

---

<sup>39</sup>W. Saksono, *op. cit.* hal. 91-92.

<sup>40</sup>W. Saksono, *op. cit.* hal. 97-100.

<sup>41</sup>W. Saksono, *op. cit.* hal. 78-79.

<sup>42</sup>*Ibid.* hal. 77-78

Kalau dilihat kepada kedudukan Wali Songo, samada dari sudut keturunan asal atau perkahwinan didapati mereka ada hubungan yang rapat dengan raja atau orang atasan. Sunan Ampel dari keturunan yang berkedudukan sebagai raja. Isterinya seorang puteri Tuban.<sup>43</sup> Malik Ibrahim adalah keturunan Arab yang dipercayai ada hubungkait dengan Saidina Ali.<sup>44</sup> Sunan Giri dari seorang ibu yang kedudukannya puteri raja.<sup>45</sup> Sunan Drajat adalah anak kepada Sunan Ampel. Dia berpengaruh dalam kerajaan Islam di Demak,<sup>46</sup> tugasnya menjadi pendamping kepada Raden Patah, Sultan Demak.<sup>47</sup> Sunan Kalijaga adalah anak kepada pembesar Tuban.<sup>48</sup> Sunan Gunung Jati bukan sahaja berkahwin dengan adik sultan Trenggono, Raja di Demak, malah terlibat dengan kepimpinan tentera dan urusan pemerintahan.<sup>49</sup> Sunan Kudus banyak memainkan peranan dalam urusan pemerintahan semasanya.<sup>50</sup> Beliau dipercayai berasal dari keturunan Saidina Ali dan cucu saudara kepada Sunan Ampel.<sup>51</sup>

Kedudukan yang tinggi dan mulia Wali Songo dalam masyarakat menjadi daya tarik untuk mempengaruhi masyarakat supaya menerima Islam.

Dengan usaha yang bermacam-macam yang dilakukan oleh Wali Songo dan keberanian mereka menafsirkan hukum untuk memudahkan da'wah walaupun terpaksa menghadapi tentangan ulama semasa, maka da'wah Wali Songo mendapat tempat di kalangan masyarakat Jawa dan sedikit demi sedikit telah mengubah keadaan mereka dari pengaruh Hindu-Buddha kepada Islam.

---

<sup>43</sup>Nasution, *op. cit.* hal. 116.

<sup>44</sup>W. Saksono, *op. cit.* hal. 24.

<sup>45</sup>Nasution, *op. cit.* hal. 261.

<sup>46</sup>Kerajaan Demak adalah kerajaan Islam pertama di Jawa (Jawa Tengah) setelah jatuhnya kerajaan Hindu Majapahit. (Nasution, *op. cit.* hal. 207).

<sup>47</sup>*Ibid.* hal. 225.

<sup>48</sup>*Ibid.* hal. 518.

<sup>49</sup>Fattah, *op. cit.* hal. 36.

<sup>50</sup>W. Saksono, *op. cit.* hal. 116.

<sup>51</sup>Nasution, *op.cit.* hal. 570.

## **METOD DA'WAH WALI SONGO DAN MASA KINI**

Perbincangan yang harus dipecahkan di sini ialah sejauh manakah pendekatan da'wah Wali Songo boleh dijadikan pendekatan da'wah kepada masyarakat Malaysia masa kini?

Untuk menjawab persoalan tersebut, satu perkara sahaja yang menimbulkan masalah dalam perkara ini, iaitu da'wah melalui kesenian, seperti wayang kulit. Adapun yang lain tidak menimbulkan masalah, asalkan ia menarik perhatian sasaran masa kini, kerana ia tidak bercanggah dengan syarak.

Untuk memecahkan permasalahan da'wah melalui kesenian, perkara yang mula-mula perlu dipecahkan ialah memahami konsep perkara-perkara yang ditegah di dalam Islam. Dilihat dari sudut ini, benda-benda yang perlu ditegah di dalam Islam itu terbahagi kepada dua. Pertama, yang ditegah atas namanya, seperti arak, judi dan zina. Tegahan ini tetap pada bila-bila masa. Tiada ijhtihad padanya. Kedua, tegahan pada sesuatu perkara kerana sesuatu sebab. Hukumnya ditentukan oleh ijhtihad dan akan berubah dengan perubahan sebab. Contohnya seperti tegahan merokok yang dahulu dihukum sebagai makruh, tetapi ramai ulama sekarang menghukumnya haram. Ditegah berperang dan sya'ir secara jahiliah. Tegahan ini tiada lagi jika kedua-duanya disesuaikan dengan Islam, iaitu dengan nama jihad dan sya'ir Islam.

Seni, seperti wayang kulit, sudah tentu tidak termasuk ke dalam tegahan jenis pertama. Hukumnya boleh berubah berdasarkan keadaan yang ada padanya. Ia dibolehkan jika ia diubahsuaikan berdasarkan adab-adab di dalam Islam.

Perkara kedua yang harus dipecahkan ialah apakah perkara-perkara yang disukai dan menarik perhatian masyarakat Malaysia masa kini? Kalaulah perkara-perkara yang disukai oleh masyarakat sekarang ditegah oleh syarak dan termasuk ke dalam tegahan jenis kedua, sudah tentu boleh digunakan untuk da'wah, setelah diubahsuai.

Dari sudut prinsipnya, pendekatan da'wah Wali Songo sangat baik, kerana pendekatannya tidak digunakan satu cara, tetapi banyak cara yang melalui perkara-perkara yang menjadi kesukaan sasaran. Pendekatan ini boleh digunakan secara prinsipnya untuk mempengaruhi sasaran masa ini.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian berhubung dengan pendekatan da'wah Wali Songo, beberapa rumusan dapat diambil, iaitu:

1. Jasa Wali Songo dalam da'wah sangat besar, sehingga ada orang mengatakan bahawa kalau tidak kerana Wali Songo Tanah Jawa tidak dapat diIslamkan.
2. Pendekatan da'wah Wali Songo, disamping kekuatannya mempunyai kelemahan. Antara kelemahan yang disebut-sebut oleh tokoh-tokoh Islam ialah pendekatan Wali Songo melahirkan Islam yang tidak murni dikalangan pemeluk-pemeluknya, *syncretic*.
3. Wali Songo berani menggunakan cara untuk da'wahnya, walaupun kadang-kadang terpaksa menghadapi tentangan ulama semasa.
4. Wali Songo sangat gigih dalam da'wah dan cuba menggunakan berbagai-bagai cara untuk menarik perhatian dan mempengaruhi sasaran.
5. Kemahiran menyusun, merancang dan muafakat yang erat sesama penda'wah boleh memberi keuntungan yang besar kepada gerakan da'wah, kerana ia dapat membantu mengemukakan cara yang sesuai dalam da'wah, di samping dapat menyelesaikan banyak masalah.
6. Wali Songo mengeksploitasikan kesukaan sasaran untuk tujuan da'wah. Maka kesenian rakyat yang popular dijadikan saluran da'wah, dengan pengubahsuaianya.
7. Wali Songo merupakan penda'wah contoh kerana dapat menguasai keadaan sasaran, disamping melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang menjadi keperluan masyarakat.
8. Kedudukan penda'wah dikalangan masyarakat, dilihat dari sudut keturunan, ekonomi, jasa dan penglibatan kepada kebajikan masyarakat merupakan satu tarikan untuk mempengaruhi sasaran.

9. Dari sudut prinsipnya, pendekatan da'wah Wali Songo boleh digunapakai kepada masyarakat Malaysia masa kini.
10. Masyarakat Malaysia masa kini memerlukan suatu prinsip da'wah sebagaimana yang dibawa oleh Wali Songo, supaya da'wah di Malaysia lebih menarik dan berpengaruh.